

II GB 16-11 00183 BH310

RAH

MARA PERLU LEBIH SERIUS MEMBANGUN BUMIPUTERA

Mahathir - MARA (Bergambar)

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama)-- MARA perlu lebih serius dalam usahanya hendak mewujudkan lebih ramai bumiputera dalam bidang ekonomi-ekonomi, terutamanya keusahawanan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya, pencapaian MARA setakat ini belum lagi memuaskan berbanding dengan jumlah wang yang telah kerajaan belanjakan untuk tujuan tersebut.

Menurutnya, walaupun MARA telah banyak membantu membangunkan bumiputera dalam pelbagai bidang ekonomi, tetapi pencapaiannya tidak setanding dengan jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan kerajaan serta tidak mencapai matlamat yang dirancang sepenuhnya.

Ketika berucap melancarkan Sambutan 25 tahun MARA di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, beliau berkata, jika wang sejumlah itu diberikan kepada kaum bukan bumiputera, mereka sudah tentu meninggalkan kita lebih jauh lagi.

Beliau mengesyorkan MARA supaya memberi tekanan yang lebih kepada etika perniagaan dalam latihan dan bimbingan mereka kepada peniaga dan usahawan bumiputera.

Katanya, jika para peniaga hanya bergantung kepada modal dan kelulusan tanpa memahami etika perniagaan, mereka tidak akan mencapai kejayaan yang cemerlang dalam bidang tersebut. -- Lagi.

▼16/11/14-09MST

II GB 16-11 00158 BH311

FAH

Mahathir - MARA 2 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, mereka yang berjaya dalam bidang perniagaan bukanlah yang berkelulusan tinggi dan bermodal besar, tetapi mereka yang mempunyai kecekapan berniaga dan memahami etika perniagaan.

Beliau menasihatkan MAQA supaya memberi tumpuan kepada pembentukan usahawan yang mempunyai peribadi yang sesuai dalam bidang perniagaan dan keusahawanan serta berpegang kepada janji terutama dalam pembayaran pinjaman mereka.

+Etika adalah penting terutama dalam membuat pinjaman kerana sekali berhutang dan tidak membayarnya mereka tidak akan lagi dapat membuat pinjaman dan dengan itu mereka tidak dapat meneguskan perniagaan mereka, + katanya.

Beliau juga menegur usahawan-usahawan yang hanya bergantung kepada modal dan pelangan untuk berniaga.

Katanya, walaupun ada golongan yang berjaya dengan cara ini tetapi jumlahnya adalah kecil.

+Kita harus tumpu kepada realiti perniagaan, dan harus sentiasa membandingkan kedudukan kita dengan kaum lain dan sentiasa kaaji dan memperbaiki kelemahan kita untuk lebih berjaya, + katanya. -- Lagi.

▼16/11/14-10MST

II GB 16-11 00184 RH31.4

BAH

Mahathir - MARA 3 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata, masih ramai bumiputera yang heranggapan modal menentukan kejayaan perniagaan mereka, justeru itu mereka " meminjam wang yang terjalu besar dengan harapan untuk mendapat keuntungan yang besar dan membayar balik hutang .

Malangnya, apabila perniagaan tidak mencapai kejayaan, mereka tidak dapat membayar balik hutang dan mengakibatkan kedudukan mereka +bukannya satu langkah ke hadapan tetapi dua langkah ke belakang, + tambah nya.

+Tidak ada gunanya kita sentiasa ambil perunding untuk mengkaji kelemahan bumiputera yang kita sendiri sudah tahu sebab-sebabnya, + katanya.

Menurut beliau, kelemahan yang ada di kalangan bumiputera perlu diperbetulkan dan +kita sendiri perlu memperbetulkannya daripada berharap pihak Jain membetulkannya untuk kita.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, untuk mencapai sesuatu kejayaan, kita tidak sepatutnya berharap kepada belas kasihan orang Jain kerana ini bukan sesuatu yang biasa tetapi perlu kenal kelemahan kita dan mengatasinya.

Beliau juga menasihatkan para pelajar Institut Teknologi Mara (ITM) supaya menumpukan perhatian kepada pelajaran mereka daripada melibatkan diri dalam kegiatan yang tidak berfaedah supaya matlamat kerajaan dapat tercapai bagai melahirkan lebih ramai graduan bumiputera. -- Lagi.

♥16/11/14-20MGT

CNS3952

II GB 16-11 00137 BH3J5

BAH

Mahathir - Mara 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, mereka tidak sepatutnya membazir wang rakyat untuk perkara-perkara yang tidak berkaitan.

Katanya, pada suatu ketika dahulu, ITM memberikan masalah kepada kerajaan kerana kegiatan utama para pelajar ialah untuk mengadakan demonstrasi.

+Jika itu yang mereka berminat, kerajaan boleh mengadakan sekolah untuk demonstrasi, + katanya.

Bekas Perdana Menteri, Aliyaharham Tun Abdul Razak terpilih sebagai pemenang Anugerah Tokoh MARA. Datuk Seri Dr Mahathir kemudian menyampaikan anugerah itu kepada bahu Aliyaharham, Tn Hajah Rahah Mohamad Noah. Pada majlis itu, Datuk Seri Dr Mahathir juga menyampaikan cendermata kepada 14 bekas Pengerusi MARA.

Sementara itu, Menteri Perusahaan Awam Datuk Dr Yusof Nor memberitahu pemberita selepas upacara itu bahawa Pusat Kualiti MARA akan mengadakan kursus-kursus etika perniagaan tidak lama lagi. -- Bernama.

♥16/11/14-40MGT